

# Semangat kebangsaan tidak salah di sisi Islam

BH 17 JUN 1985

ALOR STAR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak dakwaan kononnya semangat kebangsaan bertentangan dengan ajaran Islam, seperti yang disebarkan oleh golongan umat Islam.

Katanya, golongan itu mendakwa Islam tidak menyuruh umatnya mempertahankan bangsa. Oleh itu, mereka mendakwa semangat kebangsaan tidak patut digalakkan di kalangan umat Islam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di majlis berbuka puasa dan nuzul Quran di Rancangan Felda Bukit Tinggi, dekat Changlun,

kira-kira 48 kilometer dari sini, malam tadi.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, usaha menggalakkan semangat kebangsaan tidak salah di sisi Islam kerana umatnya perlu mempunyai semangat itu untuk mempertahankan bangsa, negara dan agamanya.

## Moden

"Orang Islam lain tidak akan menolong kita jika diserang, melainkan kita sendiri bertanggungjawab mempertahankan bangsa dan agama masing-masing," tambahnya.

Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa dengan adanya se-

mangat kebangsaan, umat Islam di negara ini telah berjaya memelihara kepentingan mereka serta mencapai kemerdekaan negara.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir kekal kerana ada golongan tertentu yang berusaha menghapuskan semangat kebangsaan di kalangan umat Islam di negara ini.

Beliau mendedahkan, usaha-usaha itu dilakukan melalui edaran kad selamat hari raya, dengan memetik potongan hadis bahawa perasaan kebangsaan tidak secukup dengan Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat, ini adalah tafsiran mereka sendiri dan berharap golongan itu akan insaf dan sedar akan perbuatan mereka itu.

Mengenai sains dan teknologi, Perdana Menteri berkata umat Islam perlukan kemudahan-kemudahan moden ini untuk menambah pengetahuan dan pengalaman bagi meningkatkan lagi kefahaman dan penghayatan mereka terhadap Islam.

Beliau berpendapat, di zaman komputer ini, umat Islam juga perlu berusaha menggunakan alat-alat moden itu untuk belajar agama termasuk cara bersembahyang dan membaca al-Quran.

"Jika kita menggunakannya untuk keburukan, maka keburukan juga yang kita akan terima," tambahnya.

Mengenai pertanian, Datuk Seri Dr Mahathir menyeru rakyat, terutama golongan petani supaya mempelbagaikan tanaman bagi menjamin hasil dan pendapatan mereka.

Menurutnya, mereka tidak boleh bergantung kepada satu-satu tanaman sahaja kerana jika